

## KRITIKAN TERHADAP GARIS PANDUAN TADBIR URUS SYARIAH (GP28) DALAM KOPERASI DI MALAYSIA

Mohamad Fadhilah Al Hakkam bin Othman<sup>1\*</sup>, Mat Noor bin Mat Zin<sup>1</sup> & Nurul Ilyana binti Muhd Adnan<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
fadhilah.alhakkam@gmail.com (Corresponding Author)

### *Abstrak*

#### **E-JITU**

Acceptance date:  
15<sup>th</sup> January 2022

Valuation date:  
15<sup>th</sup> March 2022

Publication date:  
29<sup>th</sup> April 2022

*Aspek tadbir urus dalam sektor koperasi memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan tanggungjawab, akauntabiliti dan keberkesanan koperasi konvensional dan Syariah. Pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengeluarkan Garis Panduan Tadbir Urus Syariah (GP28) bagi mengukuhkan prinsip Syariah dalam sektor koperasi. Namun, timbul persoalan bagaimanakah tadbir urus Syariah dilaksana? Objektif kajian ini adalah mengkaji kekurangan serta kelemahan dalam garis panduan tadbir urus Syariah (GP28) yang dikeluarkan oleh pihak SKM, menganalisis pengawalseliaan pelaksanaan tadbir urus Syariah di koperasi serta mencadangkan kaedah penguatkuasaan terhadap pelaksanaan tadbir urus Syariah di koperasi agar dapat ditingkatkan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengambil pendekatan analisis dokumen dan analisis kandungan. Hasil daripada kajian mendapati bahawa pelaksanaan GP28 memerlukan kepada beberapa penambahbaikan kerana wujud beberapa perkara yang perlu diperbaiki untuk memastikan tadbir urus Syariah koperasi menjadi lebih baik. Kajian juga mendapati pengawalseliaan tadbir urus Syariah di peringkat koperasi dilihat kurang berkesan atas faktor tertentu. Selain itu, tidak wujud undang-undang penguatkuasaan tadbir urus Syariah dalam koperasi Islam. Kajian ini penting bagi memberi kesedaran kepada pengendali dan juga staf koperasi bagi memastikan pelaksanaan tadbir urus Syariah lebih berjaya di peringkat koperasi pada masa akan datang.*

*Kata Kunci: Kritikan, Garis Panduan, Tadbir Urus, Syariah dan Koperasi.*

## **CRITICISM OF THE GUIDELINES ON SHARIAH GOVERNANCE (GP28) IN COOPERATIVES IN MALAYSIA**

### *Abstract*

*The aspect of governance in the cooperative sector plays a vital role in ensuring the responsibility, accountability, and effectiveness of both conventional and Shariah-compliant cooperatives. In this regard, the Malaysian Cooperative Commission*

*(Suruhanjaya Koperasi Malaysia – SKM) has issued the Guidelines on Shariah Governance (GP28) to strengthen the application of Shariah principles in the cooperative sector. However, questions arise regarding the actual implementation of Shariah governance in cooperatives. The objective of this study is to examine the gaps and weaknesses in the Shariah Governance Guidelines (GP28) issued by SKM, to analyze the regulatory framework surrounding the implementation of Shariah governance in cooperatives, and to propose mechanisms for enhancing enforcement of Shariah governance practices. This study employs a qualitative method through document and content analysis. The findings reveal that the implementation of GP28 requires significant improvements, as there are areas that need to be strengthened to ensure more effective Shariah governance in cooperatives. The study also finds that the regulatory oversight of Shariah governance at the cooperative level is relatively ineffective due to several contributing factors. Furthermore, there is currently no legal provision that mandates the enforcement of Shariah governance within Islamic cooperatives. This study is significant in raising awareness among cooperative operators and staff, encouraging them to ensure more effective and comprehensive implementation of Shariah governance at the cooperative level in the future.*

**Keywords:** *Criticism, Guidelines, Governance, Shariah and Cooperatives.*

## **PENDAHULUAN**

Koperasi merupakan sebuah institusi yang sangat penting dalam membantu memajukan ekonomi sesebuah negara. Antara aktiviti koperasi adalah melalui kewangan dan perbankan, perumahan, pengguna, pengangkutan, perladangan, perindustrian, pembinaan dan perkhidmatan. Berdasarkan laman sesawang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mendapati bahawa sehingga Jun 2019, sebanyak 14,418 buah koperasi berdaftar di seluruh Malaysia. Peningkatan koperasi saban tahun jelas menunjukkan bahawa institusi kewangan ini berperanan besar serta agresif dalam pembangunan negara khususnya dalam aspek ekonomi. Badan yang bertanggungjawab mengawalselia pergerakan serta pengoperasian koperasi di Malaysia ialah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Pihak SKM sentiasa merangsang pembangunan koperasi agar berdaya saing, progresif serta berintegriti selain menggalakkan penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi. Bahagian tadbir urus dan penyeliaan dalam SKM diwujudkan bagi memantau pengurusan serta tadbir urus dalam koperasi. Selain itu, daripada 14,418 koperasi yang mendaftar di bawah SKM hanya 179 buah sahaja yang melantik jawatankuasa Syariah bagi membantu tadbir urus Syariah dalam koperasi masing-masing (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2019).

Hal ini sangat membimbangkan kerana sebahagian koperasi juga menjalankan urusan seperti institusi perbankan (kredit). Oleh yang demikian, tadbir urus Syariah perlu dipatuhi serta diamalkan dalam koperasi yang berdaftar agar urusan serta aktiviti pembiayaan dan pelaburan yang dijalankan patuh Syariah. Data ini juga jelas membuktikan bahawa konsep pemahaman mengenai koperasi patuh Syariah masih berada di tahap yang rendah. Ini perlu diberi perhatian memandangkan majoriti pengendali koperasi diterajui oleh golongan Melayu bumiputera yang beragama Islam. Bertitik tolak daripada itu, pihak SKM yang berperanan dalam mengawalselia koperasi di negara ini telah mengeluarkan Garis Panduan 28 (GP28) yang berperanan dalam menguatkuasakan tadbir urus Syariah dalam sektor koperasi. Walau bagaimanapun,

hanya sebahagian kecil daripada koperasi yang berdaftar dibawah pihak SKM telah melantik jawatankuasa Syariah bagi mengawal selia aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh koperasi agar berlandaskan prinsip Syariah (Raimi Azyan, 2019). Justeru, kajian ini akan menfokuskan aspek kepatuhan GP28 berdasarkan elemen pelaksanaan tadbir urus Syariah serta permasalahan yang dihadapi bagi mematuhi GP28 dalam tadbir urus Syariah dalam sektor koperasi. Selain itu, cadangan serta penambahbaikan juga akan dibincangkan dalam kajian ini.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

- i. Mengkaji kekurangan serta kelompangan dalam konsep tadbir urus Syariah (GP28) yang dikeluarkan oleh pihak SKM.
- ii. Menganalisis pengawalseliaan pelaksanaan tadbir urus Syariah di koperasi.
- iii. Mencadangkan kaedah penguatkuasaan terhadap pelaksanaan tadbir urus Syariah di koperasi agar dapat ditingkatkan.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk kualitatif. Penulis membuat rujukan menggunakan kaedah analisis dokumen dan analisis kandungan mengenai koperasi dalam konteks tadbir urus serta perundangan yang mengawal koperasi yang sedia ada. Selain itu, penulis juga menganalisis garis panduan GP28 yang merupakan panduan kepada institusi koperasi. Analisis dilakukan dengan melihat beberapa jurnal dan artikel yang menjalankan kajian terhadap tadbir urus Syariah dalam koperasi dengan menganalisis GP28 serta isu yang berlaku dalam institusi koperasi.

### **ISU DAN PERNYATAAN MASALAH**

#### **i. Kekurangan elemen tadbir urus Syariah dalam koperasi**

Menurut Raimi Azyan (2019), tadbir urus Syariah merupakan suatu bentuk pengaturan organisasi bagi sesebuah Institusi Kewangan Islam (IKI). Tujuannya bagi memastikan wujud pengawasan yang bebas dan berkesan, tanggungjawab dan akauntabiliti lembaga pengarah, pihak pengurusan dan Jawatankuasa Syariah agar menjurus kepada persekitaran operasi perniagaan yang sentiasa patuh kepada prinsip Syariah. Garis Panduan Tadbir Urus Syariah (GP28) yang dikeluarkan oleh SKM mendapat panduan tadbir urus Syariah (GP28) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) merangkumi semua aspek rukun, syarat serta kontrak produk pembiayaan yang ditetapkan oleh syarak atau tidak. Selain itu, jika diperhatikan tadbir urus Syariah (GP28) mempunyai kekurangan elemen tadbir urus dari aspek ketiadaan fungsi audit Syariah, fungsi penilaian Syariah, fungsi penyelidikan Syariah serta fungsi pengurusan risiko Syariah. Jika peranan keempat-empat anggota ini diserahkan kepada jawatankuasa Syariah, sepatutnya dijelaskan dalam garis panduan tersebut untuk mengelakkan timbulnya keraguan. Walaupun jawatankuasa audit dalaman wujud dalam GP28, adakah peranannya sama seperti fungsi audit Syariah IKI?

Selain itu, dalam Shariah Governance Framework 2019, sekretariat Syariah bertanggungjawab sebagai fungsi penyelidikan Syariah. Oleh yang demikian, adakah sekretariat dalam GP28 memainkan peranan yang sama? Jika benar, mengapa tidak dijelaskan seperti yang terkandung dalam Governance Framework 2019? Zurina Shafii et. al. (2017) juga mencadangkan penambahbaikan dalam tadbir urus Syariah Koperasi Islam agar selari dengan tadbir urus Syariah institusi kewangan Islam yang ditetapkan oleh Governance Framework 2019. Jika IKI mendapat pengawasan daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM), adakah situasi yang sama ini juga berlaku dalam sektor koperasi? Kajian menunjukkan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) merupakan badan yang dilantik oleh SKM terhadap pelaporan tadbir urus Syariah. Hal ini jelas menunjukkan ANGKASA yang mengawasi pelaksanaan tadbir urus Syariah di peringkat koperasi. Ini menimbulkan tanda tanya terhadap fungsi SKM selaku punca kuasa bagi koperasi. SKM sepatutnya mempunyai badan khas yang lebih luas skopnya menyamai fungsi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM) dan bukannya meletakkan beban tanggungjawab kepada ANGKASA sepenuhnya.

Seterusnya, Asma Sorfina & Salmy Edawati (2019) membahagikan garis panduan tersebut kepada beberapa komponen. Antara komponen yang dinyatakan adalah tadbir urus berkaitan lembaga koperasi yang dinyatakan dalam GP28. Perkara 27 berkaitan lembaga koperasi yang tidak mempunyai mekanisme dalam melaksanakan tadbir urus Syariah. Selain itu, maksud dasar dan dasar apa yang perlu diluluskan juga tidak dijelaskan secara terperinci. Abdul Ghafar Ismail (2016) juga mengatakan bahawa jawatankuasa Syariah koperasi tidak tertakluk kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia sepertimana institusi dibawah APKI. Oleh yang demikian, perlunya penubuhan jawatankuasa khusus oleh BNM untuk mengawasi Jawatankuasa pada peringkat koperasi. Selain itu, adakah Jawatankuasa mampu membuat pengawasan operasi perniagaan dan aktiviti koperasi 4 bulan sekali sepertimana yang termaktub dalam GP28. Penzahiran maklumat dalam Laporan Tahunan Kewangan Koperasi juga tidak dinyatakan bagaimana perjalanan audit yang berlaku serta tiada bentuk komunikasi jelas antara pihak Jawatankuasa Lembaga Syariah bersama pihak kakitangan dan Lembaga Koperasi. Budaya celik kewangan, penghayatan epistemologi tauhid serta etika perlu dilaksanakan untuk memberi pengetahuan kepada staf mengenai tadbir urus Syariah.

Dalam aspek tadbir urus Syariah pula, GP28 ini amatlah terhad dan hanya tertakluk kepada koperasi yang hanya menjalankan aktiviti pengantaraan kewangan berlandaskan Syariah atau koperasi yang menjalankan aktiviti perbankan, kredit, pembiayaan serta ar-Rahnu sahaja (Abdul Ghafar Ismail 2016). (Rose Ruziana & Zurina Shafii 2018) pula menyatakan pelaksanaan GP28 memerlukan kepada beberapa pembaharuan di beberapa peringkat iaitu peringkat pentadbiran, akaun dan pelaburan koperasi serta segala aktiviti penambahan kakitangan. Asiah et al (2018) dalam temu bualnya bersama Ibrahim Husain yang membincangkan mengenai bidang kuasa SKM dalam kawalan selia al-rahnu. Ibrahim Husain menyatakan bahawa tiada seksyen khusus yang membenarkan SKM untuk mengeluarkan sebarang garis panduan berkaitan al-rahnu. Ini menunjukkan tiada justifikasi yang kuat bagi SKM mengambil penguatkuasaan ke atas koperasi dalam aspek al-rahnu. GP28 dilihat sebagai satu garis panduan yang diadaptasi daripada SGF 2010

dan masih berada di peringkat pengenalan iaitu setahun daripada tarikh kuat kuasa yang diberikan (Asma Sorfina & Salmi Edawati, 2019). Namun, pada 20 September 2019, BNM telah mengeluarkan SGF yang telah dikemaskini. Bertitik tolak daripada itu, GP28 ini perlulah dikemaskini serta disesuaikan dengan SGF terkini.

## **ii. Pengawalseliaan Jawatankuasa Syariah Koperasi Tidak Efektif**

Shariah Governance Framework (SGF) menyediakan panduan menyeluruh kepada lembaga, jawatankuasa Syariah dan pengurusan IKI untuk melaksanakan tugasnya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Syariah. SGF juga menggariskan fungsi-fungsi yang berkaitan dengan kajian Syariah, audit Syariah, risiko pengurusan Syariah serta penyelidikan Syariah. IKI hendaklah melaksanakan dasar-dasar kebertanggungjawaban serta tanggungjawab setiap fungsi utama yang terlibat dalam pelaksanaan SGF. Hampir 8 tahun menyaksikan IKI telah berjaya mengangkat SGF dan kini SGF telah diiktiraf sebagai salah satu faktor yang mendorong prestasi IKI cemerlang dalam industri (Rusni Hassan et al, 2018). Walau bagaimanapun, institusi koperasi masih menghadapi masalah dalam memastikan pentadbiran yang berkesan serta tadbir urus yang baik. Bagi koperasi yang beroperasi berdasarkan prinsip Syariah, mereka juga terdedah dengan isu pematuhan Syariah dan tadbir urus Syariah (Muhammad Issyam et al, 2016). Oleh itu, inisiatif ini telah diambil oleh SKM sebagai pengawalselia koperasi dengan memperkenalkan garis panduan tadbir urus Syariah (GP28). Garis panduan ini sangat penting sebagai usaha untuk melaksanakan Tadbir Urus Syariah koperasi Islam (Muhammad Issyam et al, 2016). Garis panduan tadbir urus Syariah (GP28) yang dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 bertanggungjawab untuk mengawal selia koperasi yang menjalankan perniagaan atau aktiviti berlandaskan Syariah merangkumi pembentukan jawatankuasa Syariah dan tadbir urus Syariah koperasi. GP28 adalah penting untuk koperasi dalam usaha meningkatkan pematuhan Syariah serta memperkukuhkan identiti serta kemajuan setiap komponen tadbir urus bagi membentuk koperasi yang lebih maju dan berdaya saing di samping beroperasi dengan integriti (Rusni Hassan et al, 2018). Mohd Rodzi & Al-Hassan (2015); Zurina Shaffi et. al. (2017) dan Rusni Hassan et. al. (2018) mengulas bahawa tadbir urus Syariah di koperasi masih di tahap permulaan dan memerlukan kepada satu rangka kerja tadbir urus Syariah yang lebih tersusun.

Keupayaan Jawatankuasa Syariah untuk menyelia koperasi-koperasi yang bertanggungjawab menjalankan tadbir urus Syariah dalam aktiviti perniagaan serta pengurusannya masih kabur dari segi perlaksanaannya. Jumlah koperasi yang menawarkan pembiayaan dan ar-Rahnu semakin meningkat. Namun, hanya 179 buah koperasi sahaja mendapat kelulusan Jawatankuasa Syariah. Tambahan lagi, Jawatankuasa Syariah yang bertanggungjawab mengawalselia koperasi tersebut majoritinya adalah daripada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Timbul persoalan samada mencukupi atau tidak tenaga kerja bagi menyelia semua koperasi tersebut. Jika mencukupi, adakah ianya berjalan dengan sempurna? Jika wujud isu dalam perkara tersebut, bagaimana dapat diselesaikan? Adakah pengawalseliaan akan kembali

kepada ANGKASA? Jika benar, ini akan menyebabkan bebanan kepada Jawatankuasa ANGKASA. Tambahan pula, SKM lebih tertumpu kepada ANGKASA berbanding koperasi lain. SKM sepatutnya mengambil peranan bersama dalam memastikan tadbir urus Syariah dilaksanakan dalam koperasi (Abdul Ghafar Ismail 2019).

### **iii. Kelemahan Penguatkuasaan Terhadap Pelaksanaan Tadbir Urus Syariah**

Institusi Kewangan Islam (IKI) tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 di bawah BNM, manakala koperasi pula tertakluk di bawah Akta Koperasi Syariah 1993. IKI yang terlibat dengan pelanggaran tadbir urus Syariah akan dikenakan hukuman serta sekatan undang-undang ke atasnya. Berbeza dengan koperasi sekiranya wujud pelanggaran terhadap GP28 ini, tiada hukuman yang jelas dikenakan ke atas koperasi tersebut. Apabila SKM mendapati operasi atau perniagaan koperasi tidak mematuhi Syariah, SKM mungkin mengenakan langkah-langkah pembetulan tertentu pada koperasi. Apa yang dimaksudkan dengan 'ukuran yang salah' adalah bersifat tidak jelas. Langkah penguatkuasaan boleh berlaku dalam bentuk nasihat, tindakan pentadbiran atau bahkan dikenakan hukuman. Maka, garis panduan haruslah jelas berkenaan penguatkuasaan penalti jika didapati koperasi menjalankan aktiviti ketidakpatuhan. Muhammad Issyam et al (2016) juga melihat isu ini sebagai suatu kelemahan yang harus ditambah baik. Implikasi undang-undang G28 tidak jelas samada peruntukan yang diberikan di dalamnya adalah mandatori atau sebaliknya. Ini kerana GP28 tidak memberikan implikasi undang-undang sekiranya tidak mematuhi keperluannya. Sebagai contoh, GP28 tidak memberikan apa-apa hukuman atau penalti jika Koperasi Islam gagal menubuhkan atau gagal melantik sekurang-kurangnya tiga anggota jawatankuasa Syariah seperti yang dikehendaki oleh GP28. IKI di bawah BNM tertakluk kepada penguatkuasaan tadbir urus Syariah yang lebih ketat. Berbeza dengan Koperasi Islam, syaratnya kurang ketat dan lebih fleksibel. Namun begitu, keadaan ini amat sesuai dengan mengambil kira saiz serta sifat koperasi yang kebiasaannya bersaiz kecil dan terhad dalam perniagaan mereka. Selain itu, tadbir urus dalam koperasi adalah berdasarkan prinsip saling menguntungkan serta mengambil kira semua 'undi individu'. Oleh yang demikian, manfaat sosial keseluruhan ahli adalah lebih penting berbanding kepentingan untuk mengawal badan koperasi. Isu seterusnya ialah GP28 memperuntukkan bilangan jawatankuasa Syariah untuk Koperasi Islam mestilah sekurang-kurangnya tiga orang berbanding institusi kewangan Islam di bawah pengawasan BNM yang memperuntukkan lima orang ahli jawatankuasa Syariah bagi Bank Islam Penuh dan tiga orang ahli jawatankuasa Syariah bagi Bank Islam Separa Penuh.

Walau bagaimanapun, persoalannya sama ada keperluan seperti ini sesuai untuk koperasi yang bersifat kecil dimana modal serta saiznya yang terhad. Perlu difahami bahawa amat sukar untuk mencari jawatankuasa Syariah dengan kelayakan yang ditetapkan, terutamanya mereka yang boleh memberi kerjasama dari aspek masa serta tenaga kerja. Oleh itu, SKM selaku pengawal selia sektor koperasi yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan GP28 harus mengamalkan pendekatan yang lebih fleksibel, dengan mempertimbangkan koperasi kecil. Seperti yang dinyatakan dalam GP7 bahawa koperasi

perlulah merujuk kepada buku 'Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam' yang dikeluarkan oleh BNM. Namun begitu, persoalannya adakah resolusi MPS BNM sesuai dengan sifat Koperasi kerana resolusi oleh MPS BNM dibuat dengan mengambil kira sifat dan kerumitan industri kewangan Islam dan bukannya koperasi (Muhammad Issyam et al 2016).

## **HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **i. Tadbir Urus Syariah (GP28) Dalam Koperasi**

Koperasi di Malaysia mampu menjadi penyumbang ketiga terbesar dalam pembangunan ekonomi (Berita Awani 2018). Peningkatan bilangan koperasi di Malaysia juga merupakan petunjuk yang baik bahawa masyarakat lebih yakin dengan koperasi. Apabila koperasi semakin berkembang dengan meluasnya, timbul berbagai permasalahan dalam pengelolaan koperasi, ini memberi isyarat kepada perlunya kemunculan koperasi Islam dengan pelaksanaan hukum Islam (undang-undang Syariah) untuk dijadikan panduan dalam tadbir urus (Samad & Shafii, 2016). Walau bagaimanapun, terdapat banyak kelemahan yang dihadapi oleh koperasi di Malaysia. Antaranya ialah kurangnya penglibatan dalam perniagaan bernilai tinggi dan berdaya saing; kurangnya penerokaan peluang baru di dalam atau di luar negara; serta ketinggalan dalam kemahiran, pengetahuan dan teknologi (The Borneo Post, 2013). Menurut Abdul Ghafar (2016), seiring dengan kejayaan SKM yang berjaya meningkatkan prestasi dan nama koperasi ke persada dunia, usaha ini juga telah membawa kepada pengukuhan agenda patuh Syariah dalam pihak koperasi iaitu pengenalan Garis Panduan tadbir urus Syariah atau lebih dikenali sebagai GP28. GP28 ini bertujuan memberi panduan kepada koperasi untuk menjalankan tadbir urus Syariah dalam aktiviti perniagaan. Garis panduan ini terpakai kepada koperasi yang menjalankan aktiviti pengantaraan kewangan (financial intermediation) berlandaskan Syariah yang melibatkan koperasi dalam kategori atau menjalankan aktiviti seperti fungsi perbankan, fungsi kredit, pembiayaan dan ar-rahnu. Garis panduan ini meliputi pembentukan jawatankuasa Syariah (JKS), tadbir urus Syariah koperasi dan Kerahsiaan serta Pemakaian. Dalam aspek pembentukan JKS membincangkan mengenai keperluan koperasi untuk melantik JKS melalui JKS dalaman, JKS bagi suatu kumpulan koperasi, atau pelantikan JKS luaran yang diiktiraf seperti *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia* (IBFIM) dan *International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance* (ISRA). Aspek pembentukan JKS juga membincangkan mengenai kaedah pelantikan dan pelantikan semula, Prosedur Permohonan, Kelayakan, Komposisi, Sekretariat, Hilang Kelayakan, Peletakan dan Pemecatan Jawatan dan Sekatan ke atas Ahli JKS.

Seterusnya, GP28 membincangkan mengenai tadbir urus Syariah koperasi. Untuk memastikan kelancaran pelaksanaan tadbir urus Syariah, koperasi hendaklah menetapkan akauntabiliti dan tanggungjawab setiap fungsi utama yang terdiri daripada Lembaga koperasi, Jawatankuasa Syariah koperasi, pengurusan koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalaman. Akhir sekali, GP28 meliputi aspek kerahsiaan dan pemakaian. Anggota

Lembaga, ahli jawatankuasa Syariah, pengurusan koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalam hendaklah mematuhi prinsip kerahsiaan pada setiap masa. Maklumat sulit atau sensitif yang diperolehi oleh mana-mana orang semasa berkhidmat atau dalam menjalankan tugasnya tidak boleh disalahguna dalam apa-apa cara yang boleh memudaratkan koperasi. Garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya adalah terpakai kepada koperasi yang menjalankan aktiviti atau perniagaan berlandaskan Syariah dan berkuatkuasa pemakaiannya mulai 1 Julai 2015. Namun, terdapat kajian lepas yang membincangkan kelemahan yang wujud dalam GP28 ini. Antaranya, Abdul Ghafar Ismail (2016) menyebut bahawa tidak wujud mekanisme dalam melaksanakan tadbir urus Syariah di koperasi.

Selain itu, maksud dasar juga tidak dijelaskan secara terperinci berkaitan dasar apa yang perlu diluluskan. Penzahiran maklumat dalam Laporan Tahunan Kewangan Koperasi juga tidak dinyatakan bagaimana perjalanan audit yang berlaku serta tiada bentuk komunikasi jelas antara pihak Jawatankuasa Lembaga Syariah bersama pihak kakitangan dan Lembaga Koperasi. Melalui sudut pengurusan pula, terdapat beberapa kekangan dalam sumber tenaga kerja dalam melaksanakan konsep koperasi patuh Syariah sepenuhnya. Program celik kewangan, penerangan berkaitan etika dan penerangan prosedur perlu diadakan bagi ahli dan juga staf koperasi supaya lebih celik berkaitan koperasi patuh Syariah (Asma & Salmy 2019). Zurina Shafii et. al. (2017) dalam kajiannya mencadangkan model tadbir urus Syariah bagi institusi koperasi Islam kerana tiada model tadbir urus Syariah dalam sektor koperasi tidak seperti yang berlaku di IKI. Tadbir urus Syariah di koperasi masih di tahap permulaan dan memerlukan kepada satu rangka kerja tadbir urus Syariah berdasarkan beberapa prinsip (Rose Ruziana & Zurina Shafii 2018):

- i. Perbezaan yang jelas antara akauntabiliti dan tanggungjawab anggota utama dalam institusi tersebut.
- ii. Jawatankuasa Syariah mestilah dilindungi dan diberi hak untuk membuat apaapa keputusan berkaitan Syariah.
- iii. Untuk menambah baik kompetensi dalam kalangan anggota dalam pelaksanaan tadbir urus Syariah.
- iv. Semakan, kerahsiaan dan pembuatan polisi yang konsisten.

Abdul Ghafar (2019) mencadangkan 14 modul tadbir urus Syariah yang perlu dititikberatkan dan di ambil perhatian sebagai langkah pemerkasaan GP28. Modul tadbir urus Syariah tersebut adalah tadbir urus Syariah, teras tadbir urus Syariah, penzahiran dan ketelusan, peranan tugas dan tanggungjawab JKS, keberkesanan JKS, Amalan JKS, Tatacara JKS, Tadbir urus Strategi, Keberkesanan strategi, Menilai penyampaian dan prestasi strategi, Tadbir urus risiko, Pelaporan, Perancangan penambahbaikan dan peneraju serta persekitaran kawalan. Raimi Azyan (2019) juga menyebut isu yang berlaku dalam tadbir urus Syariah koperasi adalah sikap dan kemahuan pengendali koperasi, kecukupan sumber manusia serta kompetensi dan keupayaan tenaga kerja dalam melaksanakan tadbir urus Syariah. Selain itu, jika diperhatikan tadbir urus Syariah (GP28) mempunyai kekurangan elemen tadbir urus dari aspek ketiadaan fungsi audit

Syariah, fungsi penilaian Syariah, fungsi penyelidikan Syariah serta fungsi pengurusan risiko Syariah. Jika peranan keempat-empat anggota ini diserahkan kepada jawatankuasa Syariah, sepatutnya dijelaskan dalam garis panduan tersebut untuk mengelakkan timbulnya keraguan terhadapnya. Walaupun jawatankuasa audit dalaman wujud dalam GP28, adakah mempunyai peranan yang sama seperti fungsi audit Syariah IKI?

Selain itu, dalam Shariah Governance Framework 2019, sekretariat Syariah bertanggungjawab sebagai fungsi penyelidikan Syariah. Oleh yang demikian, adakah sekretariat dalam GP28 memainkan peranan yang sama? Jika benar, mengapa tidak dijelaskan seperti yang terkandung dalam Governance Framework 2019? Zurina Shafii et. al. (2017) juga mencadangkan penambahbaikan dalam tadbir urus Syariah Koperasi Islam agar selari dengan tadbir urus Syariah institusi kewangan Islam yang ditetapkan oleh SGF BNM 2019. Di peringkat SKM, tidak jelas kewujudan badan seperti Majlis Penasihat Syariah (MPS) yang ada di peringkat BNM. Jika IKI mendapat pengawasan daripada Majlis MPS BNM, adakah situasi yang sama ini juga berlaku dalam sektor koperasi? Jika dilihat, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) selaku badan yang dilantik oleh SKM bertanggungjawab terhadap pelaporan tadbir urus Syariah. Ini menimbulkan tanda tanya terhadap fungsi SKM selaku punca kuasa bagi koperasi yang sepatutnya mempunyai badan khas yang lebih luas skopnya menyamai fungsi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM) dan bukannya meletakkan beban tanggungjawab kepada ANGKASA sepenuhnya.

## **ii. Pengawalseliaan Tadbir Urus Syariah Dalam Koperasi**

Tadbir urus Syariah memerlukan perhatian khusus bukan sahaja untuk memenuhi keperluan dan kepentingan kehidupan manusia, bahkan untuk memupuk kesejahteraan ummah (Siti Noradibah & Zurina 2018). Berdasarkan wawancara Asiah dengan Ibrahim Husain yang membincangkan bidang kuasa SKM dalam peraturan al-rahnu, menyatakan bahawa tidak ada bahagian khusus yang membenarkan SKM mengeluarkan garis panduan yang berkaitan dengan al-rahnu dan ini adalah tanda tidak ada justifikasi kuat untuk SKM mengambil penguatkuasaan terhadap koperasi dalam aspek al-rahnu (Asiah & Salmy 2019).

GP28 dilihat sebagai garis panduan yang diadaptasi dari SGF 2010 dan masih dalam peringkat pengenalan iaitu satu tahun dari tarikh kuat kuasa yang diberikan. Ini menunjukkan bahawa konsep koperasi patuh Syariah tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana terdapat beberapa perkara yang tidak dijelaskan secara terperinci dari segi tadbir urus, pengurusan dan produk dalam koperasi itu sendiri. Tambahan pula, SGPD 2019 telah berkuatkuasa di peringkat IKI menggantikan SGF 2010. Maka, keperluan untuk mengemaskini GP28 amat dilakukan bagi memastikan tadbir urus Syariah di peringkat koperasi sentiasa mengikut arus semasa. Norbaizurah et al (2019) dalam penulisan mereka yang bertajuk "Memahami Musyarakah Mutanaqisah Koperasi Pembiayaan Syariah" menyebut bagaimana transaksi musharakah ini harus dilakukan dan menghindari berlakunya unsur perjudian. Prinsip-prinsip yang dilaksanakan juga mesti

bertepatan dengan konsep maqasid Syariah agar tujuan utama koperasi dalam membantu masyarakat dapat dilaksanakan. Prestasi koperasi yang baik, terutamanya dari segi tadbir urus, sangat penting untuk mendorong masyarakat terlibat dalam sektor koperasi. Walau bagaimanapun, prestasi tadbir urus koperasi, terutama di Malaysia, masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Ini disebabkan faktor salah laku, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di kalangan pihak pengurusan dan anggota lembaga koperasi yang sering diperdebatkan oleh banyak pihak seperti orang awam, akademik dan agensi kerajaan.

Walaupun mendapat sokongan hebat daripada kerajaan dan agensi di bawahnya, namun koperasi masih menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang mempengaruhi perkembangan, kestabilan dan pertumbuhannya (KPDNKK & SKM, 2010). Antara isu yang diberikan oleh SKM kepada koperasi adalah isu pentadbiran. Koperasi disarankan untuk memastikan pelaksanaan pentadbiran yang baik agar menjadi faktor kritikal bagi menjayakan gerakan koperasi (SKM, 2012). Tadbir urus koperasi yang tidak berkesan perlu ditangani segera kerana Gerakan koperasi di Malaysia masih dianggap kurang maju jika dibandingkan dengan negara lain (SKM, 2012). Kegagalan tadbir urus koperasi akan menyebabkan beberapa masalah dan mempengaruhi prestasi mereka. Koperasi menghadapi masalah penyelewengan yang mempengaruhi reputasi dan menyebabkan hilangnya ketulusan orang ramai terhadap pengurusan koperasi (Sacchetti & Tortia, 2014). Di samping itu, kajian lalu menunjukkan masalah dalaman yang dihadapi oleh pengurusan koperasi seperti sikap tidak peduli anggota, kegagalan demokrasi, salah urus, kawalan pengurusan yang lemah, kekurangan kemahiran dan skandal kewangan (Lees & Volkers, 1996; Birchall, 2004; Cornforth, 2004; Maslinawati et al., 2013). Isu-isu ini telah memberi kesan terhadap prestasi koperasi. Di Malaysia, pentadbiran koperasi sangat penting dalam memperkasakan ketelusan organisasi (Intan Waheedah, Maslinawati, & Azizah, 2013). Yeop Hussin (2007) berpendapat isu-isu seperti kekurangan modal, struktur yang kurang baik, kekurangan tadbir urus korporat yang baik dan ketidakpatuhan terhadap Akta Koperasi 1993 serta undang-undang yang berkaitan telah menghasilkan prestasi yang tidak memuaskan. Menurut Laporan Tahunan Koperasi SKM (2014b), masalah tadbir urus yang dialami lebih kepada salah laku di kalangan pihak pengurusan dan ahli lembaga koperasi. Ini dapat dilihat melalui jumlah aduan yang diterima oleh SKM untuk setiap tahun.

Sebagai contoh, untuk tahun 2013, sebanyak 407 aduan diterima berkaitan dengan salah laku yang berlaku di koperasi (SKM, 2014). Anggota dewan koperasi adalah pihak penting yang terlibat dalam tadbir urus koperasi di mana sebarang kelemahan anggota dewan koperasi akan mempengaruhi pentadbiran koperasi dan seterusnya mempengaruhi prestasi koperasi secara keseluruhan. Dalam GP28, antara perkara utama yang disebut adalah pembentukan jawatankuasa Syariah. Pembentukan jawatankuasa Syariah amat penting dalam memastikan aktiviti kawalselia tadbir urus Syariah dalam koperasi dapat berjalan dengan lancar. Jika diperhatikan, jawatankuasa Syariah di sektor kewangan Islam mempunyai perbezaan antara koperasi Islam dan Perbankan Islam. Antaranya, dari sudut pandangan majlis penasihat Syariah di peringkat pusat. Jawatankuasa Syariah dan

Majlis Penasihat Syariah saing berhubungan dalam memastikan kelancaran amalan tadbir urus Syariah dalam sesebuah institusi. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 telah menyediakan peruntukan khas untuk pelantikan MPS di peringkat pusat sementara di koperasi tidak ada peruntukan khas untuk pelantikan MPS di peringkat SKM. Selain itu, jika diperhatikan, tidak wujud hubungan yang jelas antara MPS BNM dan Penasihat Syariah yang dilantik di setiap koperasi (Muhammad Issyam et al 2016).

Di peringkat SKM, tidak jelas kewujudan badan seperti Majlis Penasihat Syariah (MPS) yang ada di peringkat BNM. Jika IKI mendapat pengawasan daripada Majlis MPS BNM, adakah situasi yang sama ini juga berlaku dalam sektor koperasi? Jika dilihat, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) merupakan badan yang dilantik oleh SKM bertanggungjawab terhadap pelaporan tadbir urus Syariah. Ini menimbulkan tanda tanya terhadap fungsi SKM selaku punca kuasa bagi koperasi yang sepatutnya mempunyai badan khas yang lebih luas skopnya menyamai fungsi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM) dan bukannya meletakkan beban tanggungjawab kepada ANGKASA sepenuhnya. Hal ini disokong oleh Abdul Ghafar Ismail (2016) bahawa jawatankuasa Syariah koperasi tidak tertakluk kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia sepertimana institusi dibawah APKI. Oleh yang demikian, perlunya penubuhan jawatankuasa khusus oleh BNM untuk mengawasi Jawatankuasa pada peringkat koperasi. Persoalan yang timbul apakah keputusan yang akan dirujuk jika berlaku perbezaan antara pendapat atau keputusan MPS dan Jawatankuasa Syariah dalam setiap Koperasi Islam. Hal ini boleh membawa kepada amalan ketidakpatuhan Syariah serta mewujudkan kekeliruan di kalangan ahli mengenai kegiatan di koperasi. Selain itu, persoalan kedua yang timbul berkaitan kemampuan Jawatankuasa Syariah dalam mengawalselia koperasi. Jika diperhatikan, jawatankuasa Syariah tersebut majoritinya adalah daripada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) selaku badan yang dilantik oleh SKM. Oleh yang demikian, menjadi persoalan samada mencukupi atau tidak tenaga dengan sempurna? Jika wujud isu dalam perkara tersebut, bagaimana dapat diketengahkan? Adakah kembali kepada ANGKASA. Jika benar, ini akan menyebabkan bebanan kepada Jawatankuasa Syariah ANGKASA. SKM sepatutnya mengambil peranan bersama dalam memastikan tadbir urus Syariah dilaksanakan dalam koperasi (Abdul Ghafar Ismail 2019).

### **iii. Penguatkuasaan Tadbir Urus Syariah Koperasi**

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) berperanan sebagai penanda aras terhadap pematuhan Syariah Institusi Kewangan Islam (IKI) melalui pembentukan piawaian Syariah (Shariah Governance Framework 2019) oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, institusi kewangan Islam mestilah mematuhi keputusan Majlis Penasihat Syariah dan Shariah Governance Framework 2019 yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Pengarah, pegawai dan anggota jawatankuasa Syariah juga terlibat secara langsung kepada pematuhan Syariah. Ini kerana, tanggungjawab memastikan pematuhan Syariah bersifat mendatori, iaitu mana-mana orang yang melanggar peruntukan tersebut dihukum telah melakukan suatu kesalahan dan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan (8) tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh lima

juta ringgit (RM25 juta) atau kedua-duanya. Namun begitu, jika pihak Institusi Kewangan Islam menyedari telah menjalankan perniagaan, aktiviti dengan cara yang tidak mematuhi Syariah atau nasihat jawatankuasa Syariahnya atau nasihat serta keputusan Majlis Penasihat Syariah, institusi tersebut perlulah menghentikan perniagaan tersebut, memaklumkan kepada jawatankuasa Syariahnya serta mengemukakan rancangan pembetulan ketidakpatuhan itu dalam tempoh 30 hari kepada Bank Negara Malaysia untuk dilakukan penilaian. Bagi memastikan pematuhan Syariah dalam institusi kewangan Islam, Bank Negara Malaysia dan institusi kewangan Islam dikehendaki melantik Juruaudit yang akan menjalankan audit pematuhan Syariah terhadap institusi berkenaan (APKI 2013).

Maka, jelaslah bahawa wujud implimentasi undang-undang serta pemantauan yang sangat sistematik dan tersusun dalam memastikan tadbir urus Syariah di IKI telah dilaksanakan dan dipatuhi oleh institusi yang terlibat (Ruzian Markom 2013). Dalam Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 wujud peruntukan kuasa untuk berunding dengan Jawatankuasa Syariah. Seksyen 26 (1) menyebut bahawa suruhanjaya hendaklah berunding dengan Majlis Penasihat Syariah mengenai perkara Syariah yang berhubung dengan mana-mana urusan koperasi yang berasaskan Syariah dan boleh mengeluarkan arahan bertulis berhubung dengan urusan berkenaan mengikut nasihat Majlis Penasihat Syariah. Dalam Seksyen 26 (2) pula jika dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan urusan koperasi yang berasaskan Syariah dan diawasi dan dikawal selia oleh Suruhanjaya dalam mana-mana mahkamah atau penimbang tara, apa-apa persoalan yang timbul mengenai perkara Syariah, mahkamah atau penimbang tara itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh; i. Mengambil kira apa-apa arahan bertulis yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1); atau ii. merujuk persoalan sedemikian kepada Majlis Penasihat Syariah untuk keputusannya. Seksyen 26 (3) pula menyebut apa-apa keputusan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah menurut rujukan yang dibuat di bawah perenggan (2)(b) hendaklah, bagi maksud prosiding berkenaan dengan rujukan yang dibuat; i. sekiranya rujukan itu dibuat oleh mahkamah, diambil kira oleh mahkamah dalam membuat keputusannya; dan ii. sekiranya rujukan dibuat oleh penimbang tara, mengikat penimbang tara itu. Jelas bahawa JKS dalam sektor koperasi memainkan peranan yang besar dalam memastikan perjalanan tadbir urus Syariah dapat diperkasakan. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat peruntukan khusus dalam Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 mengenai hubungan antara suruhanjaya dengan JKS. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, wujud peruntukan mengenai Perniagaan koperasi berasaskan Syariah dalam Akta Koperasi 1993. Di bawah seksyen 84A (1) menyebut mana-mana koperasi yang menjalankan perniagaan atau aktiviti yang berasaskan Syariah boleh, dari semasa ke semasa, mendapatkan nasihat daripada Majlis Penasihat Syariah (MPS) mengenai operasi perniagaannya atau aktivitinya bagi memastikan bahawa ia mengikut Syariah. Dalam Seksyen 84A (2) pula mana-mana koperasi yang menjalankan perniagaan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi apa-apa arahan bertulis yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya, selepas berunding dengan Majlis Penasihat Syariah. Seksyen 84A (3) menerangkan bahawa bagi maksud seksyen ini, “Majlis Penasihat Syariah” ertinya Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 16B (1) Akta Bank Negara Malaysia 1958 [Akta 519]. Maka, dengan adanya peruntukan ini di bawah Akta Koperasi 1993 membuka ruang kepada pengenalan garis

panduan tadbir urus Syariah (GP28) sebagai panduan kepada koperasi untuk menjalankan tadbir urus Syariah di koperasi masing-masing.

GP28 yang diperkenalkan oleh pihak SKM tidak mempunyai implikasi undang-undang yang jelas. Ini dapat dilihat sekiranya pihak pengurusan menyedari bahawa sesuatu operasi perniagaan didapati tidak mematuhi Syariah atau bertentangan dengan nasihat jawatankuasa Syariah, pengurusan hendaklah memaklumkan kepada jawatankuasa Syariah dan SKM, menghentikan perniagaan tersebut, serta mengemukakan rancangan pembetulan ketidakpatuhan itu dalam tempoh 30 hari untuk diperakukan oleh jawatankuasa Syariah dan diluluskan oleh Lembaga. Walau bagaimanapun, peruntukan undang-undang ini tidak disebut dalam Akta Koperasi 1993 menyebabkan tiada gesaan bahawa undang-undang ini bersifat mendatori. GP28 hanya menyebut sekiranya SKM mendapati suatu koperasi menjalankan operasi yang tidak mematuhi Syariah,

Suruhanjaya boleh mengarahkan langkah pembetulan dilaksanakan oleh koperasi. Langkah pembetulan yang disebut merupakan pernyataan yang kurang jelas. Muhammad Issyam et al (2016) mengulas langkah pembetulan boleh ditafsir dalam bentuk nasihat, tindakan pentadbiran serta dikenakan hukuman. Isu ini merupakan suatu kelompondan yang harus ditambah baik. Implikasi undang-undang G28 tidak jelas samada peruntukan yang diberikan di dalamnya adalah mandatori atau sebaliknya. Ini kerana GP28 tidak memberikan implikasi undang-undang sekiranya tidak mematuhi keperluannya. Sebagai contoh, GP28 tidak memberikan apa-apa hukuman atau penalti jika Koperasi Islam gagal menubuhkan atau gagal melantik sekurang-kurangnya tiga anggota jawatankuasa Syariah seperti yang dikehendaki oleh GP28. Maka, GP28 haruslah jelas mengenai penguatkuasaan penalti jika didapati wujud ketidakpatuhan dalam tadbir urus koperasi. Jika diperhatikan, IKI di bawah pengawasan BNM tertakluk kepada proses pengurusan Syariah yang lebih ketat. Berbeza dengan Koperasi Islam yang mana jika diperhatikan syaratnya adalah kurang ketat dan lebih fleksibel.

Namun begitu, keadaan ini amat sesuai dengan mengambilkira saiz serta sifat koperasi yang kebiasaannya bersaiz kecil dan terhad dalam perniagaan mereka. Selain itu, tadbir urus dalam koperasi adalah berdasarkan prinsip saling menguntungkan serta mengambil kira semua 'undi individu'. Oleh yang demikian, manfaat sosial keseluruhan ahli adalah lebih penting berbanding kepentingan untuk mengawal badan koperasi. Permasalahan yang timbul perlu diselesaikan bagi memastikan hasrat SKM melihat GP28 ini berjalan lancar agar tujuan utamanya iaitu menjamin persekitaran operasi perniagaan yang sentiasa patuh kepada prinsip Syariah dapat direalisasikan. Maka, SKM disarankan agar mengemaskini kekurangan yang wujud dalam GP28. Langkah pembetulan jika didapati amalan tidak patuh Syariah dijalankan dalam Koperasi perlu dijelaskan dengan lebih terperinci. Akta Koperasi 1993 juga perlu dibuat pindaan dengan memasukkan peruntukan atau seksyen penguatkuasaan penalti yang dikenakan ke atas Koperasi Islam yang tidak patuh Syariah jika ingin memartabatkan tadbir urus Syariah di koperasi sepenuhnya dilaksanakan. Ini kerana, GP28 adalah garis panduan bagi koperasi untuk melaksanakan tadbir urus Syariah. Penguatkuasaan perlulah melalui peruntukan undang-undang di peringkat koperasi iaitu Akta Koperasi 1993.

## **CADANGAN**

Terdapat beberapa cadangan bagi menambah baik pelaksanaan tadbir urus Syariah dalam koperasi agar berasaskan prinsip Syariah:

- i. Menilai semula komponen yang terkandung dalam GP28 supaya menjadi lebih komprehensif seperti *Shariah Governance Framework 2019 BNM*.
- ii. Keperluan kepada perunding Syariah atau pakar Syariah dalam sektor koperasi untuk berunding, menasihati, memantau dan mengkaji semula amalan tadbir urus Syariah dalam sektor koperasi. Perunding Syariah atau pakar Syariah yang dilantik berfungsi seperti di sektor Institusi kewangan Islam (IKI).
- iii. Memperkasakan sistem undang-undang dalam institusi koperasi dengan mengenakan hukuman bersifat mandatori bagi koperasi yang tidak melaksanakan tadbir urus Syariah mematuhi prinsip Syariah.
- iv. Memberi pendedahan kepada anggota koperasi sama ada pengendali mahupun ahli berkaitan ciri-ciri koperasi patuh Syariah yang berjaya. Ini boleh dilaksanakan bengkel, kursus ataupun seminar berkaitan koperasi patuh Syariah daripada pakar dalam bidang berkenaan.

## KESIMPULAN

Penubuhan koperasi berasaskan pemahaman, kepercayaan dan kerjasama dalam kalangan anggotanya. Perkembangan dalam sektor koperasi setiap tahun meningkatkan lagi kesedaran terhadap pengendali serta anggotanya bagi mengukuhkan institusi koperasi sebagai sebuah badan kewangan yang berlandaskan prinsip syarak. Secara keseluruhannya, beberapa penemuan telah didapati dari kajian ini. Antaranya, penambahbaikan perlu dibuat terhadap GP28 sedia ada agar konsep koperasi Syariah berjaya dilaksanakan dengan sempurna. Selain itu, anggota-anggota koperasi berperanan besar dalam memastikan GP28 sedia ada dijalankan secara maksimum agar kebajikan semua pemegang dapat dijaga. Akhir sekali, diharapkan kajian ini akan menjadi pemangkin bagi kajian baru yang akan terus meneroka tadbir urus Syariah koperasi sehingga berjaya membentuk prestasi cemerlang dalam bidang koperasi setanding dengan Institusi Kewangan Islam. Penyelidikan dan kajian yang mendalam boleh memberi manfaat kepada individu, organisasi dan masyarakat secara keseluruhannya khususnya dalam sektor koperasi.

## RUJUKAN

- Abdul Ghafar Ismail. (2016). *Pemakaian garis panduan SKM terhadap tadbir urus Syariah*. Dalam *Konvensyen Kebangsaan Koperasi Patuh Syariah (KONSIS 2016)*.
- Abdul Ghafar Ismail. (2019). *Modul tadbir urus Syariah*. Dalam *Diskusi Meja Bulat Pembangunan Modul Koperasi Patuh Syariah*. Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asiah Alkharib Shah, Nurhafilah Musa, & Salmi Edawati Yaacob. (2018). Tadbir urus dan pengawalseliaan Ar-Rahnu di Malaysia: Bidang kuasa siapakah? *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 30(2), 237–263. <https://doi.org/10.51200/kanun.v30i2.1639>

- Asma Sorfina Surkery, & Salmy Edawati Yaacob. (2019). Konsep koperasi patuh Syariah: Satu tinjauan literatur. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 15(1). <https://doi.org/10.33102/jmifr.v15i1.83>
- Astro Awani. (n.d.). Koperasi boleh jadi penyumbang ketiga ekonomi – Dr. Hatta. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/koperasi-boleh-jadi-penyumbang-ketiga-ekonomi-dr-hatta-189693>
- Azmah Othman, & Fatimah Kari. (2008). *Enhancing co-operative movement to achieve Malaysia development goals*. ICA Research Conference, 1–39.
- Bank Negara Malaysia. (2019). *The new Shariah governance framework*. <https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=57&pg=140&ac=835&bb=file>
- Cornforth, C. (2004). The governance of cooperatives and mutual associations: A paradox perspective. *Annals of Public and Cooperative Economics*, 75(1), 11–32. <https://doi.org/10.1111/j.1467-8292.2004.00241.x>
- Intan Waheedah Othman, Maslinawati Mohamad, & Azizah Abdullah. (2013). Cooperative movements in Malaysia: The issue of governance. *Asian Social Science*, 9(11), 52–60. <https://doi.org/10.5539/ass.v9n11p52>
- Johnston Birchall. (2004). *Cooperatives and the Millennium Development Goals*. International Labour Organization.
- Lees, M. (1995). Corporate governance in European co-operatives. Dalam *The World of Co-operative Enterprise 1995* (pp. xx–xx). Plunkett Foundation.
- Maslinawati Mohamad, Intan Waheedah Othman, & Azizah Abdullah. (2013). Cooperative movements in Malaysia: The issue of governance. *Asian Social Science*, 9(11), 52–60. <https://doi.org/10.5539/ass.v9n11p52>
- Mohd Rodzi Ahmad, & Al-Hasan Al-Aidaros. (2015). The need of independent Shariah members in Islamic cooperative banks: An empirical study of professional accountants in Malaysia. *International Review of Management and Business Research*, 4(1), 1–14. <https://irmbrjournal.com/papers/1421693884.pdf>
- Muhammad Issyam Itam@Ismail, Rusni Hasan, & Syed Musa Alhabshi. (2016). Shariah governance framework for Islamic co-operatives as an integral social institution in Malaysia. *Intellectual Discourse, Special Issue*, 477–500. <https://journals.iium.edu.my/intdiscourse/index.php/id/article/view/831>
- Norbaizurah Abdul Jabar, Razli Ramli, & Sazali Abidin. (2019). Understanding the *Mushārah Mutanāqishah* of Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa (Kopsya). *SRA International Journal of Islamic Finance*, 1(1), 1–15.
- Raimi Azyan. (2019). GP28: Antara keperluan dan keupayaan koperasi mematuhi. Dalam *Diskusi Meja Bulat Pembangunan Modul Koperasi Patuh Syariah*. Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rose Ruziana Samad, & Zurina Shafii. (2018). Shari'ah governance practices in Malaysia credit cooperatives: View of experts. *Asian Conference on Entrepreneurship (ACE 2018)*.
- Rose Ruziana Samad, & Zurina Shafii. (2019). Theories underpinning Islamic good governance in cooperatives: Synthesis of literature from the conventional and Islamic perspective. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 12(March), 49–68.
- Rusni Hassan, Rose Ruziana Samad, & Zurina Shafii. (2018). Shari'ah governance practices in credit cooperatives in Malaysia. *Journal of Islamic Thought and Civilization, Special Issue: Islamic Banking and Finance*.

- Ruzian Markom. (2013). Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. *Jurnal Kanun*. Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sacchetti, S., & Tortia, E. C. (2012). The social value of multi-stakeholder co-operatives: The case of the CEFF system in Italy. *Euricse Working Papers*, 034|12.
- Sacchetti, S., & Tortia, E. C. (2014). The social value of multi-stakeholder co-operatives: The case of the CEFF system in Italy. *Annals of Public and Cooperative Economics*, 85(3), 327–352. <https://doi.org/10.1111/apce.12045>
- Siti Noradibah Md Zain, & Zurina Shafii. (2018). The impact of Shariah governance to financial and non-financial performance in Islamic financial institutions (IFIs): A literature survey. *International Journal of Islamic Business*, 3(2), 27–40.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2015). *Garis Panduan GP28: Tadbir Urus Syariah oleh Koperasi*. [http://www.skm.gov.my/Perundangan/Garis-Panduan/Garis-PanduanSKM\\_i.aspx](http://www.skm.gov.my/Perundangan/Garis-Panduan/Garis-PanduanSKM_i.aspx)
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (n.d.). *Laman rasmi SKM*. <http://www.skm.gov.my/index.php/my/>
- The Borneo Post. (2013, December 16). Sektor koperasi kurang sambutan. <https://www.theborneopost.com/2013/12/16/sektor-koperasi-kurang-sambutan/>
- Turnbull, S. (1997). Corporate governance: Its scope, concerns and theories. *Corporate Governance: An International Review*, 5(4), 180–205.
- Volkers, R. (1996). General trends, findings and recommendations. *Review of International Co-Operation*, 89(4), 37–49.
- Yeop Hussin, B. (2007). Positioning knowledge management as key success factor in the growth of cooperatives in Malaysia. *Asian Academy of Management Journal*, 12(1), 69–82.
- Zurina Shafii, Mohamed Obaidullah, Rose Ruziana Samad, & Rochania Ayu Yunanda. (2017). Developing a model for corporate governance and conflict of interest deterrence in Shari'ah-based cooperatives. *IRTI Policy Paper*.